

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 30.11.2015

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa pembinaan sekolah Tamil di Jalan Jalong Sg. Siput belum bermula walaupun upacara pemecahan tanah diadakan pada Mei 2013. Adakah Kerajaan mencadangkan sebuah sekolah Tamil baru di Salak Utara, Sg. Siput U. Ramai keluarga India daripada estet-estet pedalaman telah berpindah ke Salak Utara dalam 20 tahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Jalan Jalong seperti yang dinyatakan tiada dalam senarai Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Namun, SJKT yang dicadangkan untuk pembinaan di Sungai Siput ialah SJKT Heawood, Sungai Siput (U), Perak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status pembinaan sekolah ini masih di peringkat semakan semula rekabentuk bangunan dan sedang menunggu kelulusan daripada Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG ANAK
GANDUM
[JULAU]**

TARIKH : 30.11.2015 (ISNIN)

SOALAN : 15

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan status cadangan pembinaan jalan dari Ng. Entaih ke Ng. Kemalih Ulu Entabai di kawasan P.209 Julau.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, projek yang dinyatakan tiada dalam senarai projek – projek Jalan Luar Bandar (JALB) yang dilaksanakan di bawah Kementerian ini. Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat dipohon untuk membuat permohonan projek dengan pihak Kerajaan Negeri Sarawak dan memastikan permohonan tersebut disenaraikan dalam Senarai Keutamaan Kerajaan Negeri bagi membolehkan Kementerian ini mengangkat projek tersebut untuk kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM). Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek tersebut adalah bergantung kepada kelulusan UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan Persekutuan.